



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/4/2021	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



DUA daripada tiga ekor anak harimau iaitu Teja dan Bayu yang berjaya dibiakkan oleh Zoo Taiping.

Puntum, Teja, Bayu kini berusia setahun

Oleh **ZAKI SALLEH**

TAIPING – Tiga ekor anak Harimau Malaya yang dilahirkan di Zoo Taiping & Safari Malam (Zoo Taiping) oleh ibunya yang bernama Baby kini genap berusia setahun dan membesar dengan sihat di bawah pengawasan pihak pengurusan zoo tersebut.

Ketiga-tiga ekor anak harimau ini iaitu Puntum (jantan), Teja dan Bayu (betina) yang dilahirkan pada 12 April tahun lalu merupakan salah satu kejayaan pembiakan di Zoo Taiping sekaligus menambahkan bilangan haiwan itu kepada lapan ekor kesemuanya.

Harimau tersebut melahirkan anak setelah ia mengawan secara semula jadi pada awal Januari 2020 dan harimau Malaya merupakan spesies haiwan yang hidup secara bersendirian.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Khairul Amir Mohamad Zubir berkata, ia juga merupakan kelahiran keem-

pat harimau Malaya selepas kelahiran terakhir pada tahun 2009 iaitu ibu haiwan berkenaan, Baby yang kini berusia 12 tahun.

Menurut beliau, kini anak-anak harimau belang Malaya itu berada dalam keadaan baik dan sihat, malah berat setiap ekor mencecah kira-kira 70 hingga 80 kilogram.

“Kejayaan pembiakan anak-anak harimau Malaya ini merupakan satu kebanggaan bukan sahaja kepada warga MPT selaku pihak yang mentadbir Zoo Taiping tetapi kepada seluruh rakyat Malaysia.

“Program konservasi dan pembiakan ini perlu dipandang serius oleh semua pihak bagi kelangsungan spesies ini serta untuk tatapan generasi akan datang,” ujarnya dalam satu kenyataan di sini.

Bagi meraikan ulang tahun pertama anak harimau belang itu, pihak Zoo Taiping telah menawarkan pakej khas kepada 60 pengunjung selama dua hari iaitu

pada 10 dan 11 April lalu.

Pengunjung diberi peluang untuk merasai pengalaman melawat pameran-pameran di Zoo Taiping bersama Renjer Zoo dan bersama-sama menyertai sesi memberi makan haiwan.

Lebih menarik, pengunjung turut diberikan keistimewaan melihat anak-anak harimau ini menerusi jarak dekat serta sesi perkongsian ilmu mengenai spesies raja rimba itu yang disampaikan oleh Pegawai Veterinar Zoo Taiping, Dr. Ridhwan Affendi dan sesi soal jawab bersama penjaga Harimau Malaya.

Ketika ini dianggarkan terdapat kurang 200 ekor harimau belang Malaya yang hidup liar dan diklasifikasikan sebagai haiwan yang diancam kepupusan oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) pada tahun 2015.

Haiwan ini juga merupakan spesies yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).